

Sah kandungan plumbum dalam air lombong

SHAH ALAM - Selepas mendapat tekanan pelbagai pihak, kerajaan Selangor mengesahkan air lombong yang dipam daripada lombong Kampung Hang Tuah, Bestari Jaya, Kuala Selangor ke Sungai Selangor mengandungi bahan logam berat termasuk plumbum yang berbahaya kepada kesihatan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri, Dr. Ahmad Yunus Hairi bagaimanapun berkata, kuantiti plumbum tersebut masih mengikut piawaian yang ditetapkan Jabatan Kesihatan negeri.

Kuantiti plumbum berlebihan dalam air yang diminum akan mengakibatkan kerosakan sistem saraf pusat, kegagalan buah pinggang dan fungsi otak dalam tempoh jangka panjang.

Beliau berkata, kajian pada tahun lalu itu yang turut disertai

han kimia tersebut tidak merbahaya kepada kesihatan manusia.

"Sebelum kita membuat keputusan mengepam air lombong masuk ke Sungai Selangor baru-baru ini, LUAS turut mengambil sampel bacaan di lokasi kajian dan bacaan turut mendapati ia masih rendah dan menepati syarat

jabatan kesihatan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau diminta mengulas laporan *Kosmo!* mengenai kebimbangan masyarakat terutama rakyat negeri itu selepas kerajaan negeri memutuskan untuk mengepam air daripada lombong berkenaan bagi mengatasi masalah kekurangan air di negeri tersebut.

Beliau yang mengulas lanjut turut memberitahu, masyarakat seharusnya tidak melihat isu pengepaman air lombong itu sebagai masalah besar kerana dakwanya, selama ini terdapat air kumbahan yang turut dipam sebelum dirawat



Krisis Air

Jika diperihalkan, Kuala Lumpur akan terpaksa mengambil air dari sungai-sungai lain. - Bernama

Loji air tidak mampu asing logam




Krisis Air



Air lombong sudah masuk ke Sungai Selangor

KERATAN *Kosmo!* semalam.



SEBUAH pam digunakan untuk mengepam air dari